



UPMKB terima sumbangan mesin AED

BINTULU: Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) menerima sumbangan mesin Automated External Defibrillator (AED) daripada Kelab Akademik Hospital Bintulu, kelmarin.

Menurut UPMKB dalam satu kenyataan, sumbangan itu merupakan kesinambungan daripada kolaborasi Kelab Akademik Hospital Bintulu bersama Pejabat Pendaftar UPMKB dalam penganjuran program Mega CPR Bintulu yang berlangsung pada 11 Mac lalu di Dewan Sri Kenyalang UPMKB.

"Penyerahan tersebut disempurnakan oleh Pakar Perubatan Kecemasan, Dr. Merayang Bundan yang mewakili Kelab Akademik Hospital Bintulu kepada UPMKB yang diwakili oleh Ketua Pentadbiran UPMKB, Noor Hakim Ahmad.

"Diharapkan hubungan yang baik antara UPMKB dan Hospital Bintulu ini akan dapat diteruskan lagi agar program kolaborasi seumpama program Mega CPR Bintulu dapat dijalankan pada masa akan datang," ujar kenyataan itu.

SERAH MESIN.... Dr. Merayang Bundan (kiri) menyerahkan mesin AEB kepada Noor Hakim Ahmad di UPMKB kelmarin.